

CNS1243

R GB 02-06 00160 BB985

bah

Mahathir - Perang Besar

PELAN STRUKTUR BANDAR BARU PERANG BESAR DILULUSKAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 2 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan telah meluluskan konsep pelan struktur bandar baru Perang Besar yang akan dimajukan bagi menempatkan sebahagian besar pejabat-pejabat kerajaan sebagai langkah mengelak kesesakan lalulintas di ibu negara.

Perdana Menteri berkata sebagai permulaan hanya sebahagian daripada pejabat-pejabat kerajaan akan dipindahkan, terutama bangunan-bangunan yang masih belum diluluskan pembinaannya.

"Kerajaan telah meluluskan pelan struktur bagi (bandar baru) Perang Besar," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Kompleks Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) di sini, hari ini.

Sekarang ini projek itu hanya memerlukan tindakan untuk menyediakan pelan bangunan sahaja sebelum pembinaan dimulakan, katanya.

Bandar baru itu, yang dikenali sebagai "Pusat Pentadbiran Perang Besar, akan dibina di kawasan seluas 10,000 hektar. Ia terletak kira-kira 8km di utara Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur yang baru di Sepang. --
Lagi

▼02/06/17-02MST

CNS1244

R GB 02-06 00162 BB986

bah

Mahathir - Perang Besar 2 (Akhir) Kuala Lumpur

Sementara itu, Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR), Wan Sri Wan Abdul Rahman Wan Yaacob, yang ditemui selepas upacara itu berkata jabatan itu terlibat secara langsung dengan kerja merekabentuk bandar baru itu.

Beliau berharap kerja pembinaan dapat dimulakan tahun depan walaupun projek itu sepatutnya hanya dilaksanakan pada tahun 1996 untuk disiapkan sebelum akhir tahun 2000.

Asas rekabentuk semua bangunan di bandar baru itu akan turut bercirikan bangunan Sultan Abdul Samad, katanya.

Antara pejabat pertama yang akan dipindahkan ialah Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Ditanya mengenai projek lapangan terbang di Sepang beliau berkata langkah kerajaan menarik balik kontrak Anglo-Japanese Airport Consortium (Ajac), sebuah syarikat usaha sama antara syarikat Britain dan Jepun, tidak menjejaskan kemajuan pelaksanaannya yang kini mengikut jadual.

"Kemajuan amat baik kerana tidak ada perkara-perkara yang menonjol yang boleh menyebabkan projek ini tidak boleh disiapkan sebelum tahun 1998," katanya. -- Lagi

▼02/06/17-03MST

CNS1245

R GB 02-06 00141 BB987

bah

Mahathir - Perang Besar 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Mengenai keupayaan akitek JKR menghasilkan rekabentuk bangunan yang menarik Wan Abdul Rahman gembira dengan sanjungan Dr Mahathir terhadap bangunan JPA.

..Beliau percaya dengan tenaga yang ada, JKR dapat memenuhi hasrat Perdana Menteri supaya bangunan pada masa akan datang mempunyai rekabentuk yang sesuai dengan bercirikan kebudayaan tempatan.

Antara bangunan yang direka oleh JKR ialah Institut Kefahaman Islam Malaysia (TKIM), Memorial Tunku Abdul Rahman dan Akademi Percukaian Negara.

Dalam ucapan perasmianya, Dr Mahathir mengucapkan tahniah kepada Jabatan Kerja Raya kerana berjaya mengetengahkan satu rekabentuk yang menarik dan berbeza dengan bangunan-bangunan kerajaan lain yang menjadikan kotak rokok sebagai model.

Wan Abdul Rahman berkata pada masa lepas JKR terpaksa membuat rekabentuk yang agak ringkas sepadan dengan peruntukan yang rendah. -- Bernama.

JO OBA

▼02/06/17-04MST

▼02/06/18-28MST

CNS1574

U GB 02-06 00203 BB000

bah

Mahathir - Perang Besar 4 Kuala Lumpur (sambungan berita)

Sementara itu, ketika bercakap kepada pemberita di Pelabuhan Klang, selepas melawat Pelabuhan Barat di sini, Dr Mahathir berkata kedudukan Perang Besar di pertengahan jalan antara Lapangan Terbang Antarabangsa di Sepang dan Kuala Lumpur, akan memudahkan proses pentadbiran.

Perdana Menteri berkata nama Perang Besar itu mungkin akan ditukar, sambil menambah secara berseloroh bahawa "lagipun kita tak berperang dengan sesiapa".

Katanya, kerajaan hanya akan membangunkan kawasan yang diperlukan sahaja manakala yang lainnya boleh dibangunkan oleh pemilik tanah tetapi mereka hendaklah mematuhi pelan am pembangunan di kawasan itu, termasuklah tanah di sekitarnya yang dimiliki Kerajaan Negeri Selangor.

Ketika ditanya sama ada pengumuman projek pusat pentadbiran kerajaan di situ akan menaikkan harga tanah dan penduduk berebut-rebut untuk menjualnya, Dr Mahathir berkata kawasan itu sudah pun dibekukan (penjualan tanahnya).

"Projek itu yang dianggar menelan belanja beberapa ribu juta ringgit akan dibina sepenuhnya oleh rakyat Malaysia tanpa menggunakan kepakaran asing," katanya.

.. Beliau berkata pembinaan itu akan dijalankan secara kerjasama antara jabatan kerajaan terutamanya JKR dan tujuh syarikat swasta yang termasuk dalam satu kumpulan, yang bertanggungjawab untuk merékabentuk pusat pentadbiran baru itu. -- Bernama.

MNY OBA

▼02/06/20-36MST